



POLA RUANG KELIARAN PELANCONGAN KEMBARA DI KOTA KINABALU, SABAH

THE CIRCUIT PATTERN OF BACKPACKER TOURISM IN KOTA KINABALU, SABAH

Johan Johnes^{1*} & Jabil Mapjabil²

¹ Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah
Email: johanjohnes28@gmail.com

² Borneo Institute For Indigenous Studies, Universiti Malaysia Sabah
Email: jabil@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.11.2020

Revised date: 20.12.2020

Accepted date: 29.12.2020

Published date: 31.12.2020

To cite this document:

Johnes, J., & Mapjabil, J. (2020). Pola Ruang Keluaran Pelancongan Kembara Di Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 5 (21), 242-254.

DOI: 10.35631/JTJHEM.5210015.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kota Kinabalu merupakan salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di negeri Sabah. Bandaraya ini turut menjadi destinasi permulaan bagi kebanyakan ruang keluaran pelancongan di negeri ini. Oleh itu, kajian ini adalah berkaitan pola ruang keluaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu. Terdapat tiga objektif yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu (i) mengenal pasti perancangan perjalanan kembara responden, (ii) meneliti pola ruang keluaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu dan (iii) meneliti pola ruang keluaran pelancongan kembara di luar Kota Kinabalu. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan tinjauan dengan mengaplikasikan kaedah kuantitatif sebagai kaedah penyelidikan. Seramai 228 orang responden yang merupakan pelancong kembara di Kota Kinabalu telah menjawab soal selidik dalam kajian ini. Analisis data yang digunakan adalah dengan menggunakan perisian GIS. Dapatan kajian mendapati bahawa ruang keluaran pelancong kembara di Kota Kinabalu adalah terhad dan banyak dipengaruhi oleh destinasi popular yang dikunjungi oleh pelancong massa yang datang ke daerah ini. Secara ringkasnya, pelancongan kembara mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang dan menjadi salah satu jenis pelancongan yang menjadi identiti bagi sektor pelancongan di Kota Kinabalu. Oleh itu, kerajaan dan pihak berkaitan haruslah meningkatkan usaha untuk mempromosikan pelancongan kembara di Kota Kinabalu ke peringkat antarabangsa.

Kata Kunci:

Pelancongan Kembara, Pelancong Kembara, Pola Ruang Keliaran, Kota Kinabalu

Abstract:

Kota Kinabalu is one of the famous tourist destinations in the state of Sabah. This city also a starting point for most tourist circuits in this state. Therefore, this study is related to the travel tourist circuit patterns in Kota Kinabalu. There are three objectives set in this study, namely (i) identify the travel planning of the respondents, (ii) examine the pattern of tourist circuit in Kota Kinabalu and (iii) examine the pattern of tourist circuit outside of Kota Kinabalu. The study design used is a survey approach by applying quantitative methods as research methods. A total of 228 respondents who are backpackers in Kota Kinabalu answered the questionnaire in this study. The data analysis used is by using GIS software. The findings of the study found that the tourist circuit of backpackers in Kota Kinabalu is limited and heavily influenced by popular destinations visited by mass tourists who come to this district. In short, travel tourism has a high potential to grow and become one of the types of tourism that is the identity of the tourism sector in Kota Kinabalu. Hence, the government and related parties should increase efforts to promote travel tourism in Kota Kinabalu to the international level.

Keywords:

Backpacker Tourism, Backpackers, Tourist Circuit, Kota Kinabalu

Pengenalan

Ruang keliaran pelancong sering kali dirujuk dengan pelbagai istilah dan konsep seperti laluan pelancong, koridor pelancong, kluster pelancong dan sebagainya (Hannam & Diekmann, 2010; Dam, 2016). Menurut Dam (2016), ruang keliaran pelancong ditakrifkan sebagai laluan yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga destinasi pelancongan utama yang terletak di kampung, pekan atau bandar yang berlainan. Destinasi pelancongan tersebut terletak berhampiran antara satu sama lain. Untuk itu, pelancong digalakkan untuk melawat semua ruang keliaran tersebut jika telah melawat salah satu daripadanya (MoT, 2012). Cullinan (1977) pula menjelaskan bahawa ruang keliaran pelancong adalah perjalanan yang merangkumi dua atau lebih negara oleh seorang penduduk dari negara lain.

Ruang keliaran pelancong dipengaruhi oleh tempoh penginapan yang singkat di setiap destinasi dalam ruang keliaran, jadual perjalanan yang telah dirancang dan pengelasan tarikan pelancongan yang terdapat di peringkat wilayah dan tempatan (Chowdhury, 2011). Ruang keliaran pelancong merupakan himpunan tarikan pelancongan yang bertujuan untuk menarik lebih ramai pengunjung serta memanjangkan tempoh menginap di destinasi yang dikunjungi (Prasad & Sundari, 2012). Dam (2016) menegaskan bahawa ruang keliaran pelancong memerlukan perancangan yang rapi dan terperinci. Sisodia (2011) berpendapat bahawa ruang keliaran pelancong boleh dibangunkan sama ada dalam negara (*intra-border*) atau antara dua atau lebih negara (*cross-border*).

Khalilah *et al.* (2017) menerangkan bahawa laluan yang menarik antara dua lokasi memainkan peranan yang penting untuk pengunjung memilih ruang keliaran mereka. Menurut Alivand *et al.* (2015), laluan ini haruslah memiliki ciri-ciri alam sekitar berbeza yang boleh menarik pelancong untuk menggunakan laluan tersebut. Aktiviti pelancongan merupakan salah satu komponen penting dalam perancangan laluan ruang keliaran kerana ia boleh mempengaruhi pilihan pelancong yang datang ke destinasi berkenaan (Hasuikie *et al.*, 2013). Pemandangan indah yang perlu diserlahkan di sepanjang laluan ruang keliaran pelancong adalah seperti budaya, panorama semula jadi, warisan dan pemandangan menarik lain agar mereka menggunakan laluan tersebut (Khalilah *et al.*, 2017).

Secara keseluruhannya, pelancongan kembara merupakan satu bentuk pelancongan khusus yang mendapat perhatian dan popular di peringkat global. Pelancongan ini merupakan industri yang bergerak pantas sebagai suatu produk pelancongan yang mempunyai pasaran yang semakin meningkat dan aktif di benua Asia sejak 10 tahun yang lalu. Malaysia memainkan peranan penting sebagai salah satu laluan dalam perjalanan pelancongan kembara di Asia Tenggara. Kedudukannya yang berada di antara Thailand, Singapura, Indonesia dan Filipina menjadikannya sebagai destinasi transit yang strategik bagi pelancong kembara. Negeri Sabah dengan kelebihan adanya Gunung Kinabalu dan Pulau Sipadan pula memainkan peranan yang penting dalam menarik ketibaan pelancong kembara melalui tarikan alam semula jadi yang ikonik ini. Seterusnya, Kota Kinabalu yang menjadi pintu masuk bagi pelancong yang datang ke negeri ini memainkan peranan penting dalam menyediakan kemudahan kepada pelancong kembara yang melakukan perjalanan mereka di negeri Sabah.

Sorotan Literatur

Menurut Hasuikie *et al.* (2013), faktor jarak relatif melalui ukuran masa adalah penting kerana ia menentukan tempoh perjalanan dan nilai kepuasan bagi setiap aktiviti yang dilakukan oleh pelancong di sepanjang perjalanan mereka. Laluan terpendek sering dipilih kerana pelawat boleh sampai ke destinasi berkenaan dalam tempoh masa yang lebih singkat agar mereka mempunyai lebih banyak masa untuk menikmati percutian mereka di destinasi yang dimaksudkan (Hashim *et al.*, 2013). Walau bagaimanapun, sekiranya motivasi perjalanan mengalami tarikan di sepanjang perjalanan sebelum sampai ke destinasi yang mereka inginkan, maka laluan yang lebih lama atau luar bandar boleh dipilih sehingga laluan tersebut memenuhi keperluan pengunjung.

Hu dan Ritchie (1993) turut menyokong idea bahawa sesebuah laluan ruang keliaran akan lebih menarik untuk digunakan sebagai ruang keliaran pelancong jika sikap dan tingkah laku pengguna di laluan tersebut adalah baik. Oleh itu, penduduk tempatan dan pihak berkepentingan serta pelancong haruslah bekerjasama untuk melindungi alam semula jadi dan memelihara budaya serta warisan yang terdapat di kawasan tersebut. Selain daripada kepentingan dalam sektor pelancongan, hubungan manusia dan alam sekitar yang baik adalah penting untuk kelestarian penduduk tempatan yang tinggal di kawasan berkenaan (Khalilah *et al.*, 2017).


Fasa dalam pembangunan ruang keliaran pelancongan melibatkan pengenalpastian laluan destinasi berdasarkan target pasaran, kepentingan destinasi tersebut, audit produk pelancongan, penelitian aset pelancongan serta ciri jualan unik yang terdapat di sesebuah destinasi tersebut (Lourens, 2007). Tambahan lagi, pembangunan ruang keliaran pelancong memerlukan

pembangunan dalam percampuran produk, penyediaan strategi yang jelas dan akhir sekali penjenamaan ruang keliaran pelancong. Menurut Department of Tourism India (2003), pembangunan ruang keliaran memerlukan pembangunan sistem sokongan yang betul di pelbagai lokasi sepanjang laluan pelancong dan pada masa yang sama memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk terlibat dalam proses pembangunan pelancongan.

Model Laluan Pelancongan Berjaya Hardy (2003)

Hardy (2003) menegaskan bahawa salah satu cara untuk menguruskan aliran pelancong adalah melalui laluan pelancong bertema, koridor atau laluan pelancongan sendiri. Walaupun beberapa laluan pelancongan telah wujud sejak bertahun-tahun lamanya, kebelakangan ini perkembangan laluan pelancongan sendiri telah menjadi sangat popular di Australia dan Amerika Utara. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengalaman yang diperoleh di sepanjang jalan sekurang-kurangnya sama pentingnya dengan destinasi itu sendiri. Kepentingan laluan pelancongan yang bertema melibatkan hubungan yang dibuat antara titik minat dan pelbagai minat dan motivasi. Oleh itu, pihak pengurusan harus berusaha untuk menyelaraskan faktor-faktor ini.

Salah satu kelebihan pembangunan laluan pelancongan adalah para pelancong boleh memilih masuk dan keluar dari laluan tersebut. Oleh itu, pihak berkepentingan dalam pelancongan dapat menyeimbangkan permintaan di sepanjang laluan itu sendiri dan kawasan sekitarnya (Hardy, 2003). Susulan itu, operator pelancongan tempatan dan kerajaan telah melabur dalam penghasilan papan tanda dan promosi pelancongan untuk memanfaatkan aliran pelancong yang berlaku dalam destinasi pelancongan. Pusat Pelancongan Kebangsaan (National Centre for Tourism, NCT), Australia telah menjalankan sebuah penyelidikan berkenaan pembangunan laluan pelancongan yang berjaya seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Model Laluan Pelancongan Berjaya

Sumber: Diubah suai daripada Hardy (2003).

Berdasarkan Rajah 1, terdapat tujuh peringkat dalam model laluan pelancongan yang berjaya. Model ini menegaskan bahawa perkara pertama dan paling asas dalam pembentukan laluan pelancongan yang berjaya adalah pengalaman yang unik dengan tarikan yang tersendiri ke laluan yang menyediakan gabungan produk yang sesuai dengan keperluan pengguna dan mewujudkan kelebihan daya saing. Antara produk pelancongan tersebut termasuklah keindahan landskap, ciri warisan, pemandangan laut, gunung atau pemandangan di kawasan pedalaman. Seterusnya, apabila sesebuah laluan pelancongan tersebut mempunyai tarikan yang tersendiri dan mempunyai kepelbagaian, peringkat yang kedua adalah pembangunan terhadap rangkaian jalan yang selamat dan cekap. Hal ini termasuklah penyediaan sistem jaringan pengangkutan yang selamat bagi para pelancong untuk datang ke sesebuah tempat yang ingin dikunjungi.

Ketiga, arah dan papan tanda pelancongan yang jelas. Sesebuah laluan pelancongan yang berjaya seharusnya mempunyai petunjuk arah dan papan tanda pelancongan yang jelas. Perkara ini penting bagi mengelakkan pelancong tersesat semasa melakukan perjalanan mereka secara persendirian. Papan tanda yang disediakan haruslah mempunyai informasi yang lengkap seperti jarak, nama destinasi dan jarak destinasi tersebut daripada tempat papan tanda tersebut diletakkan. Keempat, infrastruktur perkhidmatan yang mencukupi. Hal ini kerana laluan pelancongan yang menyediakan infrastruktur perkhidmatan yang lengkap cenderung untuk dikunjungi oleh pelancong yang ramai. Antara infrastruktur tersebut termasuklah kawasan rehat, hentian memandu, landskap yang indah, kawasan perkhemahan dan sebagainya.

Kelima, rangkaian maklumat yang cekap dan mesra pengguna serta disokong oleh pusat maklumat dan perkhidmatan komuniti. Maklumat berkenaan laluan pelancongan seperti peta pelancong dan aktiviti pelancongan yang ditawarkan haruslah mempunyai saluran maklumat yang mudah difahami oleh pelancong. Ketersediaan destinasi kunjungan pelancong dalam mengintegrasikan pusat maklumat dan perkhidmatan komuniti bagi memberi rangkaian maklumat yang terbaik, seterusnya meningkatkan potensi sesebuah laluan pelancong tersebut untuk berjaya. Keenam, lawatan dan perkhidmatan pelancong yang dihubungkan dan dipakejkan untuk kemudahan operator pelancongan turut mempengaruhi kejayaan sesebuah laluan pelancong tersebut.


Akhir sekali, sesebuah laluan pelancongan yang berjaya haruslah mempunyai sebuah rangkaian yang diuruskan dengan baik dengan kerjasama dan kesepakatan antara pihak pemegang taruh dalam pelancongan. Pihak kerajaan dan pemegang taruh lain dalam pelancongan harus bekerjasama dalam membangun laluan pelancongan yang berjaya.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan penelitian terhadap fenomena yang berkaitan dengan pola ruang keliaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu, Sabah. Untuk itu, reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan tinjauan, iaitu meneliti kesesuaian dan potensi pelancongan kembara untuk dibangunkan secara intnesif di Kota Kinabalu pada masa hadapan. Teknik persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Teknik persampelan bertujuan merupakan salah satu komponen dalam persampelan bukan kebarangkalian. Menurut Tongco (2007), persampelan bertujuan boleh digunakan dengan teknik penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Suatu kajian

dimulakan dengan tinjauan, kemudian persampelan bertujuan dilakukan berdasarkan tinjauan (Brown, 2006).

Jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Sabah yang diperoleh daripada sumber Sabah Tourism Board pada tahun 2018 adalah seramai 1,361,567 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 113,043 merupakan pelancong asing daripada benua Eropah, Amerika dan Oceania. Oleh itu, saiz sampel yang dipilih ialah seramai 383 orang yang berasal dari negara di benua berkenaan. Penentuan jumlah saiz sampel ini adalah berdasarkan formula yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Namun begitu, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah menyebabkan sekatan terhadap kemasukan pelancong kembara antarabangsa yang sekali gus menghadkan jumlah responden yang boleh diperoleh dalam kajian ini. Untuk itu, saiz sampel ditetapkan kepada 228 orang pelancong kembara sahaja. Kajian ini dilakukan di Bandaraya Kota Kinabalu yang memiliki keluasan kira-kira 351 kilometer persegi. Secara spesifiknya, kajian ini dijalankan di sekitar penginapan bajet dan kawasan tumpuan pelancong yang terdapat di sekitar Kota Kinabalu, Sabah (Rajah 2).



Rajah 2: Peta Kawasan Kajian

Sumber: Pengkaji (2020).

Dapatan Kajian

Perancangan Awal Perjalanan Kembara Responden

Perancangan awal perjalanan kembara responden di Kota Kinabalu boleh dikenal pasti melalui tujuan perjalanan mereka. Berdasarkan Jadual 1, terdapat empat tujuan perjalanan pelancong kembara di Kota Kinabalu, antaranya mengembara di Kota Kinabalu dan daerah lain di Sabah dan mengembara di luar bandaraya ini (Kota Kinabalu hanya persinggahan).

Jadual 1: Perancangan Awal Perjalanan Kembara Responden

Tujuan perjalanan	Kekerapan	Peratus
Mengembara ke Kota Kinabalu dan daerah lain di Sabah	84	36.8
Tidak merancang perjalanan di peringkat awal - memilih untuk melakukan perjalanan berdasarkan cadangan ataupun keputusan semasa ketika berada di Kota Kinabalu	74	32.5
Mengembara di luar Kota Kinabalu [Kota Kinabalu hanyalah persinggahan]	36	15.8
Khusus mengembara di Kota Kinabalu	34	14.9
Jumlah	228	100.00

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden yang melakukan perjalanan ke Kota Kinabalu merancang untuk mengembara di Kota Kinabalu dan daerah lain di Sabah iaitu seramai 84 orang (36.5%). Seterusnya, 74 orang (32.5%) responden menegaskan bahawa mereka tidak merancang perjalanan di peringkat awal - memilih untuk melakukan perjalanan berdasarkan cadangan ataupun keputusan semasa ketika berada di Kota Kinabalu. Manakala, 36 orang (15.8%) responden pula menjelaskan bahawa perancangan awal mereka adalah untuk melakukan perjalanan di luar Kota Kinabalu dan daerah ini hanya persinggahan dalam perjalanan mereka. Akhir sekali, 34 orang (14.9%) responden menyatakan bahawa mereka merancang secara khusus untuk mengembara di Kota Kinabalu dari awal perancangan lagi.

Pola Ruang Keluaran Pelancong Kembara di Kota Kinabalu


Bahagian ini membincangkan pola ruang keluaran pelancong kembara di Kota Kinabalu. Data yang diperoleh dipersembahkan dalam bentuk jadual kekerapan dan pemetaan perwakilan bulatan untuk meneliti taburan destinasi pelancongan yang dikunjungi oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh pelancong kembara yang melakukan perjalanan ke Kota Kinabalu. Namun demikian, hasil kajian ini menunjukkan ruang keluaran responden di Kota Kinabalu adalah agak terhad. Destinasi yang dinyatakan oleh responden hanyalah melibatkan sembilan kawasan dan terdapat pelancong yang berada di penginapan bajet sahaja sehingga mereka meneruskan perjalanan ke destinasi lain. Jadual 2 menunjukkan ruang keluaran pelancong kembara di Kota Kinabalu.

Jadual 2: Ruang Keluaran Pelancong Kembara di Kota Kinabalu

Bil.	Lokasi di Kota Kinabalu	Kekerapan
1.	Waterfront Bandaraya Kota Kinabalu	104
2.	Tunku Abdul Rahman Marine Park [Pulau Gaya, Pulau Manukan, Pulau Sapi, Pulau Mamutik]	68
3.	Pantai Teluk Likas	12
4.	Pantai Tanjung Aru	12
5.	Api-Api Night Market & Tamu Gaya Street	8
6.	Masjid Bandaraya Kota Kinabalu	6
7.	Pusat membeli-belah di Kota Kinabalu	6

8.	Air terjun Ulu Kionsom	2
9.	Pulau Sepanggar	1

Berdasarkan Jadual 2, 104 orang responden melakukan perjalanan di Waterfront KK untuk melihat-lihat pemandangan dan menikmati makanan laut yang terdapat di kawasan tersebut. Seterusnya, terdapat 68 orang responden yang melakukan perjalanan ke pulau-pulau yang terdapat di sekitar Taman Marin Tunku Abdul Rahman seperti ke Pulau Manukan, Pulau Mamutik, Pulau Sapi dan Pulau Gaya. Selain itu, 12 orang responden ke Pantai Teluk Likas dan Pantai Tanjung Aru untuk menikmati pemandangan matahari terbenam. Selebihnya, beberapa orang responden pula melakukan perjalanan ke Tamu Gaya Street, Pulau Sepanggar dan ke kawasan air terjun Ulu Kionsom. Untuk meneliti pola ruang keliaran responden, maka pemetaan perwakilan bulatan telah dilakukan berdasarkan data Jadual 2. Rajah 3 menunjukkan taburan ruang keliaran pelancong kembara di Kota Kinabalu.



Rajah 3: Ruang keliaran pelancong kembara di Kota Kinabalu

Pola Ruang Keliaran Pelancong Kembara di Luar Kota Kinabalu

Perbincangan tentang ruang keliaran pelancong kembara di luar Kota Kinabalu ini merujuk kepada laluan pelancongan responden yang terdapat di daerah lain yang terdapat di negeri Sabah. Ruang keliaran pelancong kembara di luar Kota Kinabalu adalah pelbagai. Responden melakukan perjalanan mereka hampir ke seluruh daerah yang terdapat di negeri Sabah. Terdapat 17 destinasi yang dikunjungi oleh responden di luar Kota Kinabalu. Secara umumnya, pola ruang keliaran responden di luar Kota Kinabalu boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pola ruang keliaran pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Jadual 3 menunjukkan ruang keliaran pelancong kembara di luar Kota Kinabalu.

Jadual 3: Ruang keliaran Pelancong Kembara di Kota Kinabalu


Bil.	Tempat	Kekerapan (orang)
1.	Sandakan [Sepilok]	66
2.	Kinabalu National Park [Gunung Kinabalu]	53
3.	Semporna [Bandar Semporna, Pulau Mabul, Pulau Sipadan]	53
4.	Sukau	28
5.	Ranau [Kundasang, dll.]	20
6.	Kudat [Simpang Mengayau]	20
7.	Kota Belud [Sungai Kadamaian, Sungai Panataran, P. Mantanani]	12
8.	Tuaran [Tamparuli, dll.]	10
9.	Tawau	8
10.	Kota Marudu	6
11.	Tambunan	6
12.	Tenom	6
13.	Lahad Datu	6
14.	Klias	6
15.	Pitas	4
16.	Telupid	2
17.	Keningau	2

Berdasarkan Jadual 3, seramai 66 orang responden melakukan perjalanan kembara di Sepilok, Sandakan untuk melihat sendiri Pusat Rehabilitasi Oran Utan yang terdapat di daerah tersebut. Seterusnya, terdapat 53 orang responden pula menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan kembara di Kinabalu National Park iaitu untuk mendaki Gunung Kinabalu. Jumlah yang sama iaitu seramai 53 orang responden turut menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan ke daerah Semporna dengan tujuan untuk mengembara pulau-pulau yang terdapat di daerah tersebut. Manakala, seramai 28 orang responden menyatakan bahawa mereka melakukan pengembaraan di Sukau, Kinabatangan untuk melihat kepelbagaian hidupan liar yang terdapat di Sungai Kinabatangan seperti gajah Pygmy dan pelbagai lagi haiwan liar yang lainnya yang mudah ditemui di tempat ini.

Seterusnya, masing-masing seramai 20 orang responden menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan ke daerah Ranau dan Kudat. Kedua-dua daerah ini mempunyai tarikannya yang tersendiri di mana daerah Ranau terkenal dengan percutian di tanah tinggi Kundasang dan Tanjung Simpang Mengayau atau 'The Tip of Borneo' bagi daerah Kudat. Seterusnya, terdapat 12 orang responden yang melakukan perjalanan kembara ke daerah Kota

Belud yang terkenal dengan ekopelancongan sungai dan Pulau Mantanani. Manakala, 10 orang responden pula menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan ke daerah Tuaran yang terkenal dengan aktiviti kayak dan berakit (*rafting*). Terdapat 10 orang responden pula menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan kembara di daerah Tawau.

Di samping itu, masing-masing seramai enam orang responden menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan kembara di daerah Kota Marudu, Tambunan, Tenom, Lahad Datu dan Klias di daerah Beaufort. Empat orang responden menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan kembara di daerah Pitas dan masing-masing dua orang responden menyatakan bahawa mereka melakukan perjalanan di daerah Telupid dan Keningau. Kesemua data ini telah dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk peta perwakilan bulatan menggunakan perisian GIS seperti pada Rajah 4.



Rajah 4: Ruang keliaran pelancong kembara di luar Kota Kinabalu

Perbincangan

Menurut Paris (2010), walaupun pelancong kembara mengunjungi tarikan popular yang sama dengan destinasi yang dikunjungi oleh pelancong massa, mereka juga cenderung melakukan aktiviti yang berbeza dari pelancong lain. Fokus aktiviti pelancong kembara selalunya adalah untuk mengekalkan anggaran bajet perjalanan. Aktiviti yang dikunjungi (Riley, 1988; Shaffer, 2004; Teas, 1988). Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar pelancong kembara yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang lebih mahal, sekali seumur hidup atau aktiviti sukan adrenalin (Richards & Wilson, 2004).

Pertambahan kepelbagaian aktiviti yang boleh dilakukan oleh pelancong kembara di sesebuah kawasan bukan sahaja mampu memanjangkan tempoh mereka berada di tempat tersebut, malah menggalakkan pertumbuhan industri hiliran dalam bentuk perniagaan secara kecil-kecilan oleh masyarakat setempat bagi memenuhi keperluan pelancong kembara (Martins & Costa, 2017). Kajian oleh Hampton (1998); Rogesson (2011) dan Scheyvens (2002) turut menyatakan bahawa disebabkan pelancong kembara melancong di kawasan geografi yang lebih luas, adakalanya di wilayah terpencil dan menggunakan barang tempatan, maka mereka menyumbang kepada peningkatan perniagaan tidak memerlukan pelaburan besar yang memberikan pendapatan tambahan kepada banyak keluarga di destinasi tersebut. Penglibatan masyarakat setempat dalam memenuhi keperluan pelancong kembara seperti menjual makanan, menawarkan pelancong kembara terlibat dalam aktiviti harian mereka dan memperlihatkan budaya dan tradisi mereka kepada pelancong kembara. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan destinasi tersebut sebagai salah satu destinasi pelancongan kembara yang pada masa akan datang.

Berdasarkan Model Laluan Pelancongan Berjaya oleh Hardy (2003), perkara yang ditetapkan sebagai asas kepada kejayaan sesebuah laluan pelancongan adalah pengalaman yang unik dengan tarikan yang tersendiri di laluan yang menyediakan gabungan produk yang sesuai dengan keperluan pengguna dan mewujudkan kelebihan daya saing. Misalnya, dalam kajian oleh Hampton dan Hamzah (2016), ruang keliaran pelancong kembara di Asia Tenggara banyak bercorak laluan perjalanan daripada Thailand, memasuki Semenanjung Malaysia meneruskan perjalanan ke Singapura, Bali sebelum ke Australia. Laluan pelancongan ini dipilih oleh pelancong kembara kerana kemudahan pengangkutan murah menggunakan keretapi atau menggunakan perkhidmatan tambang murah *AirAsia* yang beroperasi di wilayah ini (Hampton & Hamzah, 2016). Oleh itu, bagi memantapkan lagi pelancongan kembara di Kota Kinabalu, maka keperluan pelancong kembara mestilah disediakan.

Seterusnya, ruang keliaran pelancong kembara turut dipengaruhi oleh tempoh masa menginap di Kota Kinabalu yang agak panjang bagi seseorang pelancong kembara tersebut. Semakin lama seseorang pelancong kembara itu melakukan perjalanan kembara di Kota Kinabalu, malah semakin besar kemungkinan jumlah destinasi yang dikunjungi oleh mereka adalah banyak. Perkara ini turut disokong oleh kajian Barros dan Machado (2010) yang menjelaskan bahawa pelancong kembara yang tinggal lebih lama di suatu destinasi mengunjungi lebih banyak tarikan berbanding mereka yang tinggal untuk masa yang lebih singkat. Tambahan lagi, faktor kebebasan yang menjadi identiti seseorang pelancong kembara dalam menguruskan perjalanan membuatkan mereka menjadi golongan pelancong yang sangat fleksibel berkenaan penjadualan berapa lama untuk berada di sesuatu tempat sebelum meneruskan perjalanan mereka ke destinasi lain (Elsrud, 2001).

Sebahagian besar daripada destinasi pelancongan yang terdapat di semua daerah yang tersenarai sebagai ruang keliaran 'rendah' di luar Kota Kinabalu ini adalah disebabkan destinasi tersebut kurang atau tidak dihubungkan dengan operator pelancongan yang terdapat di Kota Kinabalu. Akhirnya, pelancong kembara yang melakukan perjalanan mereka cenderung meneruskan perjalanan di tempat yang terkenal di sesebuah destinasi tersebut kerana tiada jaringan maklumat berkenaan apa dan bagaimana untuk mendapat akses ke tempat yang baharu. Responden yang berjaya melakukan perjalanan ke daerah ini biasanya bergerak secara sendirian ataupun dalam kelompok kecil dan mendapatkan maklumat berkenaan destinasi

yang ingin dikunjungi daripada penduduk atau masyarakat tempatan dan bukan melalui operator pelancongan. Walaupun pelancong kembara berusaha membezakan destinasi dan aktiviti yang dikunjungi bereka berbanding dengan pelancong massa, namun kekangan menguruskan perjalanan sendiri dan maklumat yang terhad di destinasi yang dikunjungi menyebabkan ruang keliaran mereka adalah sama dengan ruang keliaran dalam pelancongan massa.

Kesimpulan

Kajian tentang pola ruang keliaran pelancongan kembara di Kota Kinabalu ini adalah suatu dapatan yang penting dan menyumbang ke arah prospek pembangunan pelancongan kembara ini pada masa hadapan. Pertama, kajian ini telah berjaya merungkai perancangan awal tujuan pelancong kembara yang melakukan pengembaraan di Kota Kinabalu. Kedua, kajian ini turut membincangkan berkenaan pola ruang keliaran pelancong kembara di Kota Kinabalu secara khusus. Seterusnya, pola ruang keliaran pelancong kembara di luar Kota Kinabalu turut dibincangkan dalam kajian ini yang mendapati bahawa pola ruang keliaran mereka di luar Kota Kinabalu boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pola ruang keliaran pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Secara ringkasnya, pelancongan kembara mempunyai potensi yang tinggi untuk berkembang dan menjadi salah satu jenis pelancongan yang menjadi identiti bagi sektor pelancongan di Kota Kinabalu. Oleh itu, kerajaan dan pihak berkaitan haruslah meningkatkan usaha untuk mempromosikan pelancongan kembara di Kota Kinabalu ke peringkat antarabangsa.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana NIC (SDN), 2019 bertajuk “Pola Tingkah Laku dan Pemetaan Ruang Keliaran Pelancong Berdasarkan Faktor Kuasa Beli dan Kesanggupan Membayar di Destinasi Pelancongan Terpilih di Negeri Sabah”. Kod geran SDN 0033-2019.

Rujukan

- Alivand, M., Hochmair, H., & Srinivasan, S. (2015). Analyzing how travelers choose scenic routes using route choice models. *Computers, Environment and Urban Systems*, 50,41-52.
- Barros, C. P., & Machado, L. P. (2010). The length of stay in tourism. *Annals of Tourism Research*, 37(3), 692-706.
- Brown, K.M. (2006). *Reconciling moral and legal collective entitlement: Implications for community-based land reform*. Land Use Policy 2:4.
- Chowdhury, A. I. (2011). *Promotion of circuit tourism: The global perspective and lessons for Bangladesh in the light of Asian experience*. University of Dhaka.
- Cullinan, T. (1977). *Central America Panama Circuit Tourism Study*. Final Report, October 1977, SRI International.
- Dam, S. (2016). Tourism circuit development in peripheral destinations: Case of Tripura, India. *Atna-Journal of Tourism Studies*, 11(2), 1-15.
- Department of Tourism. (2003). *20 Years Perspective Plan for Sustainable Development of Tourism in the State of Tripura*. Govt. of India, Market Research Division.
- Elsrud, T. (2001). Risk creation in traveling: Backpacker adventure narration. *Annals of tourism research*, 28(3), 597-617.

- Hampton & Hamzah. (2016). Change, choice and commercialization: Backpacker routes in Southeast Asia. *Growth and Change*, 47(4), 556-571.
- Hampton, M. P. (1998). Backpacker tourism and economic development. *Annals of tourism research*, 25(3), 639-660.
- Hannam, K., & Diekmann, A. (Eds.). (2010). *Beyond backpacker tourism: Mobilities and Experiences*. Channel View Publications.
- Hardy, A. (2003). An investigation into the key factors necessary for the development of iconic touring routes. *Journal of Vacation Marketing*, 9(4), 314-330.
- Hashim, Z., Ismail, W. R., & Ahmad, N. (2013, April). Determination of optimal self-drive tourism route using the orienteering problem method. In *AIP Conference Proceedings*. (Vol. 1522, No. 1, pp. 1420-1430). American Institute of Physics.
- Hasuike, T., Katagiri, H., Tsubaki, H., & Tsuda, H. (2013). Tour planning for sightseeing with time-dependent satisfactions of activities and traveling times. *American Journal of Operations Research*, 3(3), 369-379.
- Hu, Y., & B. J. R. Ritchie (1993). Measuring destination attractiveness: A contextual approach. *Journal of Travel Research*, 32(2), 25-34.
- Khalilah Zakariya, Nur Amirah Abdul Wahab, Izawati Tukiman & Roziha Che Haron. (2017). Landscape character for tourism route planning: A case study of the Kuala Selangor-Sabak Bernam route. *Kedah Statement of Review*, 58.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Martins, M. R., & Costa, R. A. (2017). Backpackers' contribution to development and poverty alleviation - Myth or reality. A critical review of the literature and directions for future research. *European Journal of Tourism Research*, 16, 136-153.
- Ministry of Tourism. (2012). *Identification of Tourism Circuits across India*. Interim Report, Uttar Pradesh, Govt. of India, 1-53.
- Paris, C. M. (2010). Backpacker activities and personal values: An SEM approach. *Annals of Leisure Research*, 13(1-2), 239-258.
- Prasad, V.V.V. and Sundari, V.B.T. (2012). Indian perspective on tourism - Interventions and drivers. *International Journal of Research in Management*, 2(1), Jan, 115-29
- Richards, G., & Wilson, J. (2004). Travel writers and writers who travel: Nomadic icons for the backpacker subculture?. *Journal of Tourism and Cultural Change*, 2(1), 46-68.
- Riley, P. (1988). Road culture of international long-term budget travelers. *Annals of Tourism Research* 15. 313-328.
- Rogerson, C. M. (2011). Youth tourism in Africa: evidence from South Africa. *Tourism Analysis*, 16(2), 105-120.
- Scheyvens, R. (2002). Backpacker tourism and third world development. *Annals of Tourism Research*, 29(1), 144-164.
- Shaffer, T. S. (2004). Performing backpacking: Constructing "authenticity" every step of the way. *Text and Performance Quarterly*, 24(2), 139-160.
- Sisodia, R. (2011): *A new turn for circuit tourism*. UNEP/ UNESCO/ Tour operators' Initiative (TOI). Workshop in Using Networks of World Heritage Sites for Tour Design in Asia.
- Teas, J. (1988). I'm Studying Monkeys: What do you do? - Youthful travellers in Nepal. *Kroeber Anthropological Society Papers*, 67-68, 42-54
- Tongco, M. D. C. (2007). Purposive sampling as a tool for informant selection. *Ethnobotany Research and Applications*, 5, 147-158.